

18/08/1997

Menentukan penjawat jawatan jujur

INGATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak menggunakan jawatan yang disandang sesuka hati perlu difahami oleh setiap mereka yang tergolong dalam kategori pemimpin. Mereka mungkin pemimpin yang dilantik dalam kerajaan, jawatan dalam parti atau lembaga pengarah mewakili pertubuhan atau agensi tertentu mewakili parti. Pemimpin dalam perkhidmatan awam juga dianggap tidak terkeluar daripada kumpulan ini kerana tugas dan tanggungjawab mereka sentiasa dinilai masyarakat. Mereka sebenarnya adalah jentera kerajaan yang amat penting. Kegagalan memberi perkhidmatan yang diharapkan, akan menyebabkan nama baik kerajaan terjejas.

Kita faham ramai antara pemimpin mahu menawarkan perkhidmatan untuk menyumbangkan tenaga dan idea demi kemakmuran rakyat dan negara. Sebelum mendapat tempat, mereka melakukan apa saja supaya dilihat agresif. Tidak kurang juga apabila sudah diberi tempat, mereka gagal memberi perkhidmatan yang berkesan. Kita menganggap pemimpin seperti itu hanyalah mengejar kuasa. Pada mereka kuasa membolehkan mereka mendapat keistimewaan. Akibatnya, sikap mereka menjadi buah mulut masyarakat. Mereka mula bersikap bongkak dan besar diri, seolah-olah jawatan yang diberikan kepada mereka adalah sesuatu yang mutlak. Jika dulu mereka begitu mudah didampingi tetapi selepas memiliki kuasa mereka mementingkan protokol walaupun melawat ke kawasan sendiri dengan masyarakatnya adalah rakyat yang memilihnya. Tidak kurang juga kita mendengar ada antara mereka yang bersikap kasar dan mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati.

Sebagai pemimpin, mereka sepatutnya bersedia menjadi alat demi memberi perkhidmatan terbaik untuk kepentingan rakyat di samping menjayakan matlamat memajukan negara. Kita percaya Dr Mahathir membangkitkan perkara itu kerana bimbang imej kerajaan dan badan yang diwakili oleh pemimpin sombong seperti itu akan terjejas. Hari ini pun kita sering mendengar rungutan pelbagai pihak mengenai sikap pemimpin tertentu. Kita akui tidak semua rungutan rakyat mempunyai asas, tetapi jika rungutan yang sama didengar terhadap pemimpin yang sama, ia menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena. Pemimpin seperti itu mungkin berpendapat rungutan terhadap diri mereka tidak sampai ke peringkat atasan. Kita percaya rakyat sentiasa mencari peluang untuk memperbetulkan keadaan. Rakyat tahu kedudukan seseorang pemimpin juga ditentukan oleh kuasa rakyat. Mereka juga tahu kerajaan hari ini bersikap terbuka dan mereka boleh pada bila-bila masa menyampaikan ketidakpuasan hati mereka kepada pemimpin atasan. Apa yang dibimbangi kerajaan ialah sokongan rakyat akan pudar akibat sikap segelintir pemimpin yang beranggapan mereka mempunyai kekebalan. Mereka lupa mereka akan merayu kepada rakyat apabila hak untuk menentukan nasib mereka tiba ketika pemilihan.

Kita juga ingin mengingatkan pemimpin tertentu bahawa berbuat baik juga mestilah berpada-pada. Jika sokongan yang mereka perolehi itu kerana kuasa wang, kita anggap ia bukanlah perkhidmatan yang ikhlas. Hari ini wang semata-mata tidak boleh dijadikan alat untuk mempertahankan kedudukan dan mendapat sokongan. Rakyat boleh menilai sama ada pemberiannya itu berasaskan keikhlasan atau berselindung di sebalik motif untuk terus mengekalkan kuasa. Wang boleh menjatuhkan seseorang jika disalahgunakan.

Kita berpendapat tugas pemimpin menjadi bertambah berat kerana hari ini ramai yang turut bercita-cita menjadi pemimpin. Ini kerana jawatan yang disediakan adalah terbatas tetapi mereka yang berminat begitu ramai. Jika

ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau ahli Parlimen, umpamanya, tidak dapat menunjukkan prestasi yang baik, sudah tentu mereka perlu diganti. Sebagai pemimpin mewakili BN, mereka tidak seharusnya menganggap kedudukan mereka sentiasa terjamin. Atas dasar mempunyai kedudukan dalam kerajaan BN, mereka mestilah bekerja lebih kuat. Sokongan kepada parti mungkin berkekalan tetapi sokongan kepada individu masih boleh dipersoalkan. Jika keutamaan mereka lebih kepada mementingkan diri sendiri, sewajarnya pemimpin seperti itu diganti. Kita berpendapat sebelum nama mereka disingkirkan daripada sebarang senarai, adalah lebih baik mereka mengundurkan diri secara terhormat. Kita berharap nasihat Dr Mahathir bukan saja difahami tetapi paling penting mestilah dihayati.

(END)